

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JTW 311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

**SOALAN 1 (25 markah)**

Maklumat berikut di ambil dari Syarikat Mama Berhad yang telah mula beroperasi pada tahun 1995. Berikut adalah maklumat ringkas yang berkaitan tentang aset, liabiliti dan ekuiti pada 31/12/2001.

	RM
Aset Semasa, Pelaburan Jangka Panjang Dan Aset Tak Nyata	204750
Aset Tetap	133500
	338250
Liabiliti Semasa	81300
Liabiliti Jangka Panjang	54000
Modal Saham	122000
Pendapatan Tertahan	80950
	338250

- Tarikh lembaran imbangan syarikat adalah pada 31/12/2001
- Tarikh penyata kewangan diluluskan untuk diterbitkan adalah pada 31/3/2002

Maklumat di atas belum mengambil kira maklumat tambahan seperti berikut:

- (a) Syarikat ditubuhkan dengan modal diterbitkan sebanyak RM122,000 yang terdiri dari 82,000 modal saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dan 80,000 7% saham terutama bernilai RM0.50 setiap satu. Semua modal saham biasa dan saham terutama telah dibayar penuh. Walau bagaimanapun, amaun ini tidak termasuk saham tambahan sebanyak 8,000 unit saham biasa pada harga RM1.00 yang diterbitkan pada 1/10/2001. Kesemua saham ini juga habis dilanggan dan dibayar penuh oleh orang awam.
- (b) Aset tetap adalah terdiri dari tanah dan bangunan yang masing-masing bernilai RM98,500 dan RM35,000. Bangunan telah dibeli oleh syarikat pada 1/1/1999. Pelarasan untuk susutnilai bangunan tidak pernah dilakukan. Susutnilai ke atas bangunan adalah berdasarkan kaedah garislurus di sepanjang usiaguna aset yang dianggarkan lapan tahun tanpa nilai sisa.

...3/-

- (c) Maklumat-maklumat lain mengenai aset semasa, pelaburan jangka panjang dan aset tak nyata adalah seperti berikut:

	RM
• Pelaburan Jangka Panjang	13,100
• Muhibah	11,000
• Paten	3,100
• Nota Belum Terima	33,200
• Inventori	40,100
• Sekuriti Boleh Pasar	6,550
• Insurans Prabayar	1,700
• Akaun Belum Terima	38,000
• Tunai	58,000

Baki akaun belum terima masih belum mengambilkira peruntukan hutang lapuk. Syarikat telah menetapkan 6% dari baki akaun belum terima diperuntukan sebagai hutang lapuk.

- (d) Pada 30/10/2001 seorang pelanggan telah memfailkan saman terhadap syarikat atas kegagalan syarikat dalam membekalkan produk pada tarikh yang diminta sehingga menyebabkan pelanggan tersebut mengalami kerugian. Perbicaraan mahkamah akan dibuat pada 1/4/2002. Mengikut pandangan pakar Syarikat Mama Berhad hampir pasti akan didapati bersalah dalam perbicaraan tersebut dan anggaran denda yang akan dikenakan adalah berjumlah RM34,000.
- (e) Maklumat-maklumat lain mengenai liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang adalah seperti berikut:

	RM
• Nota Belum Bayar (matang pada 30/6/2002)	27,000
• Akaun Belum Bayar	43,800
• Cukai Pendapatan Belum Bayar	4,200
• Gaji Belum Bayar untuk sembilan orang pekerja untuk tempoh dua bulan di mana setiap pekerja bergaji RM350 sebulan.	
• Bon Belum Bayar	22,600
• Gadaijanji Belum Bayar	31,400

#### DIKEHENDAKI

Berdasarkan maklumat di atas anda dikehendaki menyediakan Penyata Lembaran Imbangan bagi Syarikat Mama Berhad pada 31/12/2001 mengikut format yang sesuai diterbitkan (mengikut klasifikasinya).

...4/-

**SOALAN 2 (20 markah)**

Maklumat berikut di ambil dari Syarikat Sweet Berhad pada 31/12/2002.

<b>SWEET BERHAD</b>		
<b>PENYATA PENDAPATAN</b>		
<b>BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31/12/2002 DAN 31/12/2001</b>		
	2002	2001
	RM	RM
Jualan bersih	510000	500000
Tolak Kos Barang Dijual	350900	400000
Untung Kasar	159100	100000
Tolak Belanja		
Belanja Jualan dan Pengurusan	70000	65000
Belanja Faedah	9100	6000
Jumlah Belanja	79100	71000
Untung Sebelum Cukai	80000	29000
Cukai Pendapatan	24000	11600
Untung Selepas Cukai	56000	17400
Perolehan Tertahan Awal	117000	113100
Dividen Saham Biasa	(38500)	(13000)
Dividen Saham Terutama	(500)	(500)
Perolehan Tertahan Akhir	134000	117000

...5/-

SWEET BERHAD		
LEMBARAN IMBANGAN		
PADA 31/12/2002 DAN 31/12/2001		
	2002	2001
	RM	RM
Aset		
Aset Semasa		
Tunai	9000	5200
Sekuriti boleh Pasar	17200	11400
Akaun Belum Terima	109000	115000
Inventori	122000	140000
Sewa Pra Bayar	4000	2800
Jumlah Aset Semasa	261200	274400
Jumlah Aset Tetap Bersih	381800	354600
Jumlah Aset	643000	629000
Liabiliti dan Ekuiti Pemilik		
Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	55000	61500
Nota Belum Bayar	7000	17000
Cukai Belum Bayar	1500	2000
Bil Belum Bayar	27500	30000
Jumlah Liabiliti Semasa	91000	110500
Liabiliti Jangka Panjang	281000	264500
Jumlah Liabiliti	372000	375000
Ekuiti Pemilik		
Saham Biasa	131000	131000
Saham Terutama	6000	6000
Pendapatan Tertahan	134000	117000
Jumlah Ekuiti	271000	254000
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti Pemilik	643000	629000

...6/-

**DIKEHENDAKI**

Berdasarkan maklumat di atas anda dikehendaki mengira 10 nisbah sahaja dari 15 nisbah yang disenaraikan dibawah untuk tahun 2002.

- (a) Modal Kerja
- (b) Nisbah Semasa
- (c) Nisbah Cepat
- (d) Margin Untung Kasar
- (e) Margin Untung Bersih
- (f) Pulangan Atas Aset
- (g) Pulangan Atas Ekuiti Pemilik
- (h) Pusingganti Akaun Belum Terima
- (i) Purata Tempoh Kutipan Akaun Belum Terima
- (j) Pusingganti Inventori
- (k) Pusingganti Aset
- (l) Nisbah Hutang
- (m) Nisbah Ekuiti
- (n) Hutang Atas Ekuiti Pemilik
- (o) Nisbah Kali Faedah Terperoleh

...7/-

**SOALAN 3 (25 markah)**

Maklumat berikut diambil dari penyata kewangan Syarikat Gudang Berhad pada 31/12/2002.

GUDANG BHD PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31/12/2002		
	RM	RM
Jualan		3800000
Kos Barang Dijual		(1200000)
Untung Kasar		2600000
Perbelanjaan		
Gaji	705000	
Elektrik	75000	
Susutnilai	80000	
Cukai Harta	19000	
Paten	25000	
Pelbagai Belanja	10000	
Faedah	30000	
Hasil Atas Penjualan Peralatan	20000	964000
Pendapatan Sebelum Cukai		1636000
Cukai		(350000)
Pendapatan Selepas Cukai		1286000
Pendapatan Tertahan 1/1/2002		310000
		1596000
Dividen		600000
Pendapatan Tertahan 31/12/2002		996000

...8/-

GUDANG BHD LEMBARAN IMBANGAN PADA 31/12/2002 DAN 31/12/2001		
	2002	2001
	RM	RM
<b>Aset</b>		
Tunai	851000	100000
Pelaburan Jangka Pendek	0	50000
Akaun Belum Terima	740000	500000
Inventori	720000	560000
Tanah	150000	70000
Bangunan	910000	600000
Susut Nilai Terkumpul Bangunan	(200000)	(120000)
Paten	105000	130000
Jumlah Aset	3276000	1890000
<b>Liabiliti dan Ekuiti</b>		
Akaun Belum Bayar	420000	340000
Cukai Belum Bayar	40000	20000
Nota Belum Bayar	320000	320000
Liabiliti Jangka Panjang	200000	200000
Saham Biasa	1300000	700000
Pendapatan Tertahan	996000	310000
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti Pemilik	3276000	1890000

**DIKEHENDAKI**

Berdasarkan maklumat di atas anda dikehendaki menyediakan Penyata Aliran Tunai menggunakan Kaedah Tak Langsung.

...9/-



**SOALAN 4 (10 markah)**

Syarikat Besi Bee Berhad mempunyai modal dibenarkan sebanyak 2 juta saham biasa dengan nilai tara RM1.00 dan modal diterbitkan 1 juta unit saham dibayar penuh.

Pada awal tahun 2001, ahli lembaga Syarikat Besi Bee Berhad telah bersetuju untuk meningkatkan modal berbayar dengan mengeluarkan prospektus bagi mempelawa orang awam melanggan 1 juta unit saham biasa pada harga RM0.90 sesaham yang perlu dibayar penuh semasa permohonan.

Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Mac 2001. Pada tarikh tutup permohonan sebanyak 200,000 permohonan telah terlebih melanggan. Lembaga pengarah Syarikat Besi Bee Berhad memutuskan untuk menolak lebihan permohonan langganan dan wang mereka dikembalikan.

**DIKEHENDAKI**

- (a) Sediakan catatan jurnal untuk merekod semua urusan di atas. Catatan hendaklah dibuat mengikut turutan tarikh urusan. Jalan pengiraan mesti ditunjukkan.
- (b) Sediakan Lembaran Imbangan Syarikat Besi Bee Berhad hanya bahagian ekuiti sahaja selepas mengambilkira semua urusan di atas.

**SOALAN 5 (20 markah)**

Anda dikehendaki menulis nota ringkas mengikut aspek perakaunan beserta contoh (jika perlu) bagi 10 istilah yang disenaraikan di bawah.

- (a) Entiti Berasingan
- (b) Releven
- (c) Ralat Fundamental
- (d) Kontigensi Laba
- (e) Kejadian Selepas Tarikh Lembaran Imbangan
- (f) Waran
- (g) Opsyen Saham
- (h) Perbelanjaan Hasil
- (i) Perbelanjaan Modal
- (j) Terbitan Hak

